



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

---

**ARAHAN KEWANGAN KETUA PENGARAH  
BILANGAN 2 TAHUN 2023  
GARIS PANDUAN KADAR DAN SYARAT BAYARAN SAGUHATI KEPADA  
PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN**

---

**1. TUJUAN**

Garis Panduan ini dikeluarkan bertujuan sebagai rujukan oleh pegawai/kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta bagi memastikan prosedur pengurusan pembayaran suguhati kepada penceramah dan fasilitator sambilan adalah tepat mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

**2. OBJEKTIF**

2.1 Melalui Garis Panduan ini, ia dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan pegawai/ kakitangan mengenai kadar dan syarat bayaran suguhati kepada penceramah dan fasilitator sambilan sama ada pegawai Kerajaan atau bukan pegawai Kerajaan yang memberi syarahan/ ceramah atau menjadi fasilitator secara sambilan dalam kursus/ bengkel/ majlis rasmi yang dianjurkan oleh JAKIM seterusnya dapat meningkatkan kecekapan kawalan dalaman JAKIM.

2.2 Panduan ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

- (a) **Bahagian A** : Kadar Bayaran Suguhati Penceramah dan Fasilitator Sambilan;
- (b) **Bahagian B** : Syarat-syarat Bayaran Suguhati Penceramah dan Fasilitator Sambilan; dan
- (c) **Bahagian C** : Prosedur Permohonan Bayaran Suguhati Penceramah dan Fasilitator Sambilan.

### 3. PERATURAN

Garis Panduan ini disediakan dengan merujuk kepada peraturan/ pekeliling berikut:

- (a) Arahan Perbendaharaan;
- (b) Pekeliling Perbendaharaan WP 1.8 - Peraturan Mengenai Kadar-Kadar dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/ Penceramah dan Fasilitator Sambilan;
- (c) Pekeliling Perbendaharaan WP 10.9 – Penetapan Kadar Dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan; dan
- (d) Surat Kelulusan Kadar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri.

### 4. TAFSIRAN

1. "**Penceramah**" bermakna orang yang berceramah/ pembicara yang memberikan syarahan/ ceramah dalam kursus/ bengkel/ majlis rasmi yang dianjurkan oleh Jabatan.
2. "**Fasilitator**" bermakna orang yang membimbing (memandu) sesuatu kursus/ bengkel/ majlis rasmi yang dianjurkan oleh Jabatan.
3. "**Pegawai Kerajaan**" bermakna seseorang pegawai yang berkhidmat di Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun di peringkat Persekutuan/ Negeri secara tetap/ kontrak (tidak termasuk *Personel MySTEP*/ Pekerja Sambilan Harian).
4. "**Bukan Pegawai Kerajaan**" bermakna orang perseorangan yang bekerja sendirian atau bekerja di syarikat swasta (termasuk pesara Kerajaan).
5. "**Ketua Jabatan**" bermakna Pengarah/ Ketua Unit yang mengetuai sesuatu Bahagian/ PTJ.

## 5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan tuntutan yang dibuat adalah teratur, munasabah dan berpatutan serta mengawal perbelanjaan tuntutan di bawah Bahagian/ PTJ masing-masing.

## 6. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATIN PADUKA HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF)

Tarikh: 19/12/2023

**BAHAGIAN A – KADAR BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN**

1. Semua **pegawai Kerajaan** yang memberikan syarahan/ ceramah atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi 1/2 daripada gaji bulanan pegawai (gaji pokok)
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 - 52	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 - 44	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

\* **Rujukan:** Pekeliling Perbendaharaan WP 1.8- Peraturan Mengenai Kadar-Kadar dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/ Penceramah dan Fasilitator Sambilan

\* Had maksimum sebulan adalah tertakluk kepada semua tugas dalam bulan yang sama.

2. Semua **bukan pegawai Kerajaan** yang memberikan syarahan/ ceramah atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:

Kelayakan Akademik	Kadar Bayaran Saguhati	
	Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan
Diploma/ Sijil	RM100.00 sejam	RM80.00 sejam
Sarjana Muda	RM200.00 sejam	
Sarjana	RM300.00 sejam	
Doktor Falsafah	RM400.00 sejam	

\* **Rujukan kadar bayaran saguhati:**

a) **Penceramah:** Kelulusan Kadar Bayaran Kepada Penceramah/ Panel/ Pembentang/ Pakar Rujuk dari Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi dan Latihan Anjuran JAKIM (berkuat kuasa 1 September 2023 – 31 Disember 2030) atau pindaannya

**b) Fasilitator:** Surat kelulusan kadar Kementerian Kewangan rujukan S/K.KEW.PK/P/1100/000000/57/875 JLD.56(SJ.10)(4) bertarikh 30 September 2011 atau pindaannya.

## **BAHAGIAN B – SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN**

1. **Syarat-syarat umum** bayaran saguhati penceramah dan fasilitator sambilan adalah seperti berikut:

- a. Sebarang program yang hendak dilaksanakan melibatkan jemputan penceramah/ fasilitator perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan Bahagian/ PTJ masing-masing;
- b. Bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ ceramah yang ditetapkan oleh penganjur kursus/ bengkel/ majlis rasmi melebihi satu (1) jam;

### **Situasi 1 (tempoh tugas kurang satu (1) jam):**

Pegawai telah dijemput memberikan syarahan/ ceramah/ fasilitator pada 28 September 2023 bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 10.45 pagi.

Pengiraan jumlah tuntutan: Tiada bayaran saguhati yang boleh dibayar kerana tempoh tugas kurang daripada satu (1) jam.

### **Situasi 2 (tempoh tugas melebihi 1 jam):**

#### **Contoh 1:**

Pegawai telah dijemput memberikan syarahan/ ceramah/ fasilitator pada 28 September 2023 bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 11.15 pagi.

Pengiraan jumlah tuntutan: Hanya satu (1) jam sahaja boleh dibayar kerana pengiraan adalah berdasarkan kadar setengah jam yang genap.

#### **Contoh 2:**

Pegawai telah dijemput memberikan syarahan/ ceramah/ fasilitator pada 28 September 2023 bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 11.45 pagi.

Pengiraan jumlah tuntutan: Hanya satu (1) jam setengah sahaja boleh dibayar kerana pengiraan adalah berdasarkan kadar setengah jam yang genap.

- c. Penceramah/ fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati di bawah Pekeliling ini;

- d. JAKIM akan menanggung bayaran penceramah/ fasilitator, penginapan, makan/ minum dan pengangkutan sekiranya perkara ini dinyatakan dalam surat jemputan penceramah/ fasilitator; dan
  - e. Urus setia atau pegawai yang bertanggungjawab perlu memastikan penceramah/ fasilitator hadir dan menyampaikan syarahan/ ceramah/ menjalankan tugas sebagai fasilitator seperti yang telah dijadualkan. Sebarang perubahan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan Bahagian/ PTJ masing-masing.
2. **Syarat-syarat tambahan** bayaran suguhati penceramah dan fasilitator sambilan yang merupakan **pegawai Kerajaan** adalah seperti berikut:
- a. Pegawai yang memberi syarahan/ ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;
  - b. Memberi syarahan/ ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;
  - c. Pegawai Kerajaan dari unit/ institusi latihan/ pengajian, maktab/ institusi perguruan/ sekolah di mana tugas memberi syarahan/ ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran suguhati boleh dibayar sekiranya kursus/ bengkel/ majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan/ institusi/ maktab/ sekolah yang sama;
  - d. Urus setia yang memberi syarahan/ ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkannya tidak layak menuntut bayaran suguhati di bawah pekeliling ini;
  - e. Pegawai Kerajaan yang menjadi jurulatih (*instructor*) tidak boleh dibayar menggunakan kadar penceramah/ fasilitator di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 1.8;
  - f. Sekiranya pegawai/ kakitangan JAKIM yang menyampaikan ceramah dan bertugas sebagai penceramah/ fasilitator kepada jabatan/ agensi luar, segala perbelanjaan bayaran penceramah/ fasilitator, penginapan, makan/ minum dan pengangkutan adalah di bawah tanggungan jabatan/ agensi yang menganjurkan program tersebut. Bahagian Kewangan JAKIM/ Unit Kewangan PTJ **tidak akan menanggung** sebarang kos perbelanjaan bagi tujuan tersebut;

- g. Bagi jemputan penceramah/ fasilitator dari kalangan pegawai/ kakitangan JAKIM dalam Bahagian/ PTJ yang sama, **tidak dibenarkan** untuk menuntut bayaran penceramah/ fasilitator.



**BAHAGIAN C – PROSEDUR PERMOHONAN BAYARAN SAGUHATI  
PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN**

1. **Penghantaran borang tuntutan hendaklah dibuat secara bulanan** iaitu pada bulan berikutnya **selewat-lewatnya 30hb setiap bulan** setelah kursus/ bengkel/ majlis rasmi dilaksanakan.
2. Permohonan tuntutan perlu dihantar melalui memo daripada setiap Bahagian/ PTJ. Semua Bahagian/ PTJ di JAKIM hendaklah memantau peruntukan masing-masing melalui Sistem e-Vot atau Sistem iGFMAS. Sebarang potongan atau pertambahan kadar tuntutan tidak akan dimaklumkan.
3. Pegawai yang membuat tuntutan dan urus setia atau pegawai yang bertanggungjawab hendaklah terlebih dahulu memastikan bahawa tuntutan tersebut lengkap, teratur dan munasabah supaya tuntutan yang dihantar tidak dikuiiri oleh Bahagian Kewangan, JAKIM/ Unit Kewangan PTJ.
4. Bayaran saguhati hendaklah dibuat berdasarkan kiraan sebenar jumlah jam dan perlu disertakan dengan surat jemputan dan jadual tentatif kursus/ bengkel/ majlis rasmi.
5. Surat jemputan perlulah dinyatakan dengan jelas berkenaan tugas pegawai yang dijemput. Bagi bayaran saguhati penceramah, surat jemputan perlulah menyatakan tajuk syarahan/ ceramah.
6. Permohonan bayaran saguhati dibuat berdasarkan Senarai Semak seperti di **Lampiran A** dan menggunakan borang tuntutan seperti di **Lampiran B**.

**SENARAI SEMAK PENGHANTARAN BORANG TUNTUTAN BAYARAN  
SAGUHATI PENCERAMAH/ FASILITATOR SAMBILAN KE BAHAGIAN  
KEWANGAN, JAKIM/ UNIT KEWANGAN PTJ JAKIM**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TANDA (/)</b>
1.	Surat/ Memo/ Emel Jemputan atau arahan menyampaikan syarahan/ ceramah/ menjadi fasilitator kursus/ bengkel/ majlis rasmi beserta jadual tentatif kursus/ bengkel/ majlis rasmi.	
2.	Borang Tuntutan Bayaran Saguhati Penceramah/ Fasilitator yang lengkap.	
3.	Salinan kad pengenalan.	
4.	Salinan penyata akaun bank.	
5.	Salinan penyata gaji (pegawai Kerajaan sahaja).	
6.	Salinan kelayakan akademik yang tertinggi (bagi tuntutan bukan pegawai Kerajaan).	
7.	Salinan surat kelulusan kadar (bagi tuntutan bukan pegawai Kerajaan).	
8.	Semua dokumen sokongan boleh dilihat dengan jelas dan tidak kabur.	
9.	Setiap helaian dokumen sokongan telah disahkan.	



**BORANG TUNTUTAN BAYARAN SAGUHATI  
PENCERAMAH/ FASILITATOR SAMBILAN  
BAGI BULAN \_\_\_\_\_ TAHUN \_\_\_\_\_**

**BAHAGIAN I**

**A. BUTIR – BUTIR PERIBADI**

1. Nama : .....
2. No.Kad Pengenalan : .....
3. No. Telefon Bimbit : .....
4. Alamat E-mel : .....
5. Nama Jawatan : .....
6. Gred Jawatan : .....
7. Taraf Jawatan : .....
8. Alamat Tempat Bertugas : .....
9. Amaun Gaji Pokok (RM) : .....
10. Nama dan No Akaun Bank : .....
11. Kelayakan Akademik (Diisi Oleh Penceramah Bukan Pegawai Kerajaan) : Sijil/ Diploma/ Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah  
\* Potong yang tidak berkenaan

**B. BUTIR – BUTIR PERMOHONAN**

Nama Kursus/ Bengkel/ Majlis Rasmi:

---

BIL.	TARIKH	MASA	PENGIRAAN (JUMLAH JAM X KADAR BAYARAN SEJAM)	AMAUN (RM)
			<b>JUMLAH BESAR (RM)</b>	

**C. PERAKUAN**

Saya mengaku butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tarikh :

.....

Tandatangan Pemohon

Nama dan Cop Jawatan

## **BAHAGIAN II**

### **ULASAN DAN PENGESAHAN KETUA JABATAN**

Disahkan bahawa pegawai ini adalah seorang pensyarah/ penceramah/ fasilitator  
sambilan golongan pakar/ bukan golongan pakar.

Tarikh : .....

Tandatangan Ketua Jabatan

Nama dan Cop Jawatan

### **BAHAGIAN III (DIISI OLEH KEMENTERIAN/ JABATAN AGENSI PENGANJUR)**

Keputusan Permohonan:  Diluluskan  Tidak Diluluskan

Disahkan bahawa jumlah besar tuntutan di jadual **BAHAGIAN I - B** adalah selaras  
dengan kelayakan pemohon seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PEKELILING BERKAITAN</b>	<b>TANDA (/)</b>
a)	Pekeliling Perbendaharaan WP 1.8	
b)	Kelulusan Kadar Bayaran Kepada Penceramah/ Panel/ Pembentang/ Pakar Rujuk dari Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi dan Latihan Anjuran JAKIM (berkuat kuasa 1 September 2023 – 31 Disember 2030) atau pindaannya	
c)	Surat kelulusan kadar Kementerian Kewangan rujukan S/K.KEW.PK/P/1100/000000/57/875 JLD.56(SJ.10)(4) bertarikh 30 September 2011 atau pindaannya	

Tarikh : .....

Tandatangan Ketua Jabatan

Nama dan Cop Jawatan